

NO SOALAN :60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.03.2018

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan untuk menangani jumlah hutang negara yang menunjukkan trend peningkatan selama lebih 5 tahun berturut-turut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2017 adalah sebanyak RM686.8 bilion atau 50.8%, kekal di bawah paras 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.9% atau RM665.6 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK). Sementara itu, baki 3.1%

daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan atau RM21.2 bilion (1.6% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir.

2. Dalam tempoh 5 tahun, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM539.9 bilion pada 2013 kepada RM686.8 bilion pada 2017 untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Namun, dari segi peratusan kepada KDNK, hutang Kerajaan Persekutuan telah berkurang daripada 53.0% pada 2013 kepada 50.8% pada 2017. Ini merupakan satu pencapaian signifikan terutamanya dalam suasana harga minyak mentah global yang telah jatuh daripada USD108.8 setong kepada USD54.4 setong dalam tempoh yang sama. Antara contoh negara pengeluar minyak yang mengalami peningkatan hutang dari segi nilai dan peratusan KDNK dalam tempoh ini termasuk Bahrain, Brazil, Australia dan Mexico.

3. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus dalam jangka masa panjang, langkah konsolidasi fiskal yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 akan diteruskan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Paras defisit telah berjaya dikurangkan daripada 6.7% daripada KDNK pada 2009 kepada 3.0% pada 2017 dan diunjurkan berkurang kepada 2.8% pada 2018. Selaras dengan langkah konsolidasi fiskal ini, Kerajaan yakin

paras hutang akan dapat dikurangkan setelah mencapai bajet hampir berimbang menjelang tahun 2020.

4. Beberapa langkah kawalan yang diamalkan dalam memastikan paras hutang kekal terurus, adalah:

i) Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;

ii) Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;

iii) Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan

iv) Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan

141
mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.